




PERSATUAN GEOLOGI MALAYSIA

WARTA GEOLOGI

NEWSLETTER of the GEOLOGICAL SOCIETY OF MALAYSIA



Jilid 38
No. 3

JULY-SEPTEMBER
2012

Volume 38
No. 3

ISSN 0126 - 5539

PP2509/07/2013(032786)



Warta Geologi

Newsletter of the Geological Society of Malaysia

PERSATUAN GEOLOGI MALAYSIA
Geological Society of Malaysia

Council 2012/2013

President :	Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira
Vice President :	Dr. Mazlan Madon
Secretary :	Mr. Ling Nan Ley
Assistant Secretary :	Mr. Lim Choun Sian
Treasurer :	Mr. Ahmad Nizam Hasan
Editor :	Assoc. Prof. Dr. Ng Tham Fatt
Immediate Past President :	Dato' Yunus Abdul Razak
Councillors :	Dr. Liaw Kim Kiat Dr. Meor Hakif Amir Hassan Mr. Nicholas Jacob Dr. Nur Iskandar Taib Mr. Robert Wong Dr. Samsudin Hj Taib Mr. Tan Boon Kong Dr. Tanot Unjah

The Geological Society of Malaysia was founded in 1967 with the aim of promoting the advancement of geoscience, particularly in Malaysia and Southeast Asia. The Society has a membership of about 600 local and international geoscientists.

Warta Geologi (Newsletter of the Geological Society of Malaysia) is published quarterly by the Society. Warta Geologi covers short geological communications and original research, as well as reports on activities and news about the Society. It is distributed free-of-charge to members of the Society. Further information can be obtained from:

The Editor
Geological Society of Malaysia
c/o Department of Geology,
University of Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-79577036 Fax: 603-79563900
Email: geologicalsociety@gmail.com

Editor-in-Chief

Ng Tham Fatt (University of Malaya)

Managing Editor

Ralph L. Kugler (University of Malaya)

Editorial Board

Prof. Dr. Abdul Rahim Samsudin
(Universiti Kebangsaan Malaysia)

Prof. Dr. Azman A. Ghani
(University of Malaya)

Prof. Dr. Basir Jasim
(Universiti Kebangsaan Malaysia)

Assoc. Prof. Dr. Chow Weng Sum
(Universiti Teknologi Petronas)

Prof. Dr. Felix Tongkul
(Universiti Malaysia Sabah)

Prof. Emeritus Dr. H.D. Tjia
(Universiti Kebangsaan Malaysia)

Prof. Dato' Dr. Ibrahim Komoo
(Universiti Terengganu Malaysia)

Prof. Dr. J.J. Pereira
(Universiti Kebangsaan Malaysia)

Prof. Dr. John K. Raj
(University of Malaya)

Prof. Dr. Lee Chai Peng
(University of Malaya)

Prof. Dr. Mohd Shafeea Leman
(Universiti Kebangsaan Malaysia)

Mr. Tan Boon Kong
(Consultant)

Prof. Dr. Teh Guan Hoe
(Consultant)

Prof. Dr. Wan Hasiah Abdullah
(University of Malaya)

Dato' Yunus Abdul Razak
(Minerals & Geoscience Department
Malaysia)

Secretariat

Anna Lim

CATATAN GEOLOGI GEOLOGICAL NOTES

Survei keamatan medan magnet bumi serta kaitannya dengan geologi permukaan di Pulau Tuba, Langkawi

(Intensity of the earth magnetic field in Tuba Island, Langkawi and its relationship with surface geology)

ABDUL RAHIM SAMSUDIN & NURUL BAIZURA MOHD YUNUS

School of Environment and Natural Resource Sciences, Faculty of Science & Technology
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Abstrak: Survei magnet daratan telah dijalankan untuk mengkaji pengaruh perbezaan jenis batuan terhadap keamatan medan magnet bumi di Pulau Tuba, Langkawi. Keamatan medan magnet bumi diukur menggunakan magnetometer liukan proton di sepanjang beberapa rentisan di dalam kawasan batuan granit, sedimen dan aluvium di Pulau Tuba. Beberapa rentisan magnet dibuat hampir berserenjang dengan sempadan litologi antara batuan. Hasil kajian menunjukkan keamatan medan magnet bumi dalam kawasan granit adalah relatif lebih tinggi (berjulat dari 41450 hingga 41500 gamma) berbanding keamatan medan magnet di kawasan aluvium (41300 hingga 41480 gamma). Manakala dalam kawasan batuan sedimen Formasi Setul, medan magnet memperlihatkan ciri keamatan menaik dan menurun di sepanjang profil dengan nilai kemagnetan yang direkodkan berubah daripada 41460 hingga 41550 gamma, lebih tinggi berbanding pengukuran yang dibuat di kawasan granit. Kenaikan dan penurunan keamatan medan magnet ditafsirkan akibat kehadiran kandungan mineral bermagnet yang tinggi dan tidak seragam dalam jasad batuan Formasi Setul. Analisis geokimia menggunakan kaedah sinar-X (XRF) menunjukkan terdapatnya kandungan oksida besi yang tinggi dalam batuan sedimen dan ini boleh menyebabkan turun naiknya keamatan medan magnet yang diukur.


Abstract: Ground magnetic survey was conducted to investigate the influence of different rock types on the intensity of the earth magnetic field in Tuba Island, Langkawi. The magnetic measurements were conducted using proton precession magnetometer along several traverses in the granite and sedimentary rocks areas as well as in the alluvial area of the Tuba Island. Some of the traverses were run perpendicular to the lithological boundary. Results of the study revealed that the intensity of the earth magnetic field over granite area of the Tuba Island is relatively higher (ranging from 41450 to 41500 gammas) than the magnetic field intensity measured in the alluvial area (41300 to 41480 gammas). The earth magnetic field recorded over the sedimentary rocks of the Setul Formation fluctuated with the recorded intensity values vary from 41460 to 41550 gammas which appears to be slightly higher than those measured in the area of granites. The fluctuation of the magnetic field readings with high intensity values are interpreted to be due to the influence of high and inhomogeneous contents of the magnetic minerals in the sedimentary rock. Geochemical analysis using x-ray fluorescence (XRF) method indicated high content of iron oxide in the sediments which supported the above interpretation.

PENDAHULUAN

Kaedah magnet telah digunakan dengan meluas untuk mengesan kewujudan dan kedudukan sumber bijih dalam industri perlombongan sejak awal kurun ke Sembilan belas. Kaedah ini juga telah digunapakai untuk menyiasat struktur geologi bawah permukaan seperti struktur sesar, intrusi granit dan kubah garam yang berasosiasi dengan lapangan minyak, meteorit dan jasad magnet yang terkandung di bawah permukaan bumi (Parasnis 1991). Abdul Rahim Samsudin & Mohd Yamin Ali (1984) telah menggunakan kaedah magnet untuk menentukan sempadan batuan serpentinit di kawasan Kuala Pilah,

Negeri Sembilan. Manakala Abdul Rahim Samsudin *et al.* (1992) telah dapat mengaitkan keamatan medan magnet dengan kewujudan zon sesar di Lembah Tekai, Pahang.

Dalam kajian ini, kaedah magnet telah digunakan untuk mencirikan keadaan kemagnetan medan magnet bumi dan kaitannya dengan geologi permukaan di Pulau Tuba. Pulau Tuba yang berkeluasan kira-kira 30km persegi, terdiri daripada batuan granit yang tersingkap di bahagian barat dan endapan sedimen Formasi Setul di bahagian timur Pulau Tuba. Batuan granit dan sedimen ini dipisahkan oleh endapan aluvium yang terletak di bahagian tengah pulau tersebut. Wan Fuad Wan Hassan (1997; 2000) mendapati batuan granit di Pulau Tuba berkaitan dengan



Rajah 1: Peta geologi Pulau Tuba menunjukkan lokasi rentisan magnet.

granit di Pulau Dayang Bunting dan batuan granit yang terdapat di Langkawi. Batuan granit menunjukkan saiz butiran kasar kesederhana kasar, bertekstur porfir dan berwarna kelabu gelap. Fenokris dalam batuan ini jelas kelihatan dengan butiran bersaiz sehingga 6cm panjang. Intrusi granit berusia Trias ini didapati menyebabkan berlakunya proses pengreisenan, pentormalinan dan pembentukan skarn serta lain-lain pemineralan di sempadan intrusi batuan. Batuan sedimen Formasi Setul terdiri daripada batu kapur, syal, batu lumpur, sabak dan kuarzit (Ibrahim Abdullah 1997; Ibrahim Abdullah *et al.* 1997). Secara umumnya, batuan Formasi Setul ini boleh dibahagikan kepada ahli batu kapur, ahli detrital bawah dan detrital atas. Kajian ini bertujuan untuk melihat perubahan keamatan medan magnet bumi di Pulau Tuba dan kaitannya dengan singkapan batuan di permukaan bumi di sepanjang garis rentisan.

BAHAN DAN KAEDAH KAJIAN

Keamatan medan magnet bumi di stesen-stesen lapangan diukur dengan menggunakan meter magnet jenis liukan proton model Geometrik G-826 yang mempunyai kejituan sebesar ± 1gamma. Manakala


magnetometer G-856 digunakan untuk merekod secara otomatis perubahan harian medan magnet bumi di stesen induk. Keamatan medan magnet bumi yang direkodkan di permukaan bumi biasanya dipengaruhi secara tempatan oleh kemagnetan batuan di kawasan tersebut. Batuan yang mempunyai litologi dan struktur yang berbeza sering menampilkan sifat kemagnetan yang berlainan dan ciri ini kadang-kala boleh membantu kerja-kerja pemetaan dan pentafsiran geologi di sesuatu kawasan. Lokasi stesen lapangan ditentukan dengan menggunakan peta topografi dan GPS. Jarak antara stesen lapangan berjulat daripada 200 hingga 500 m dengan jumlah panjang garisan profil magnet sekitar 2 hingga 5 km. Sebanyak enam garisan profil magnet telah diukur merentasi kawasan batuan granit, batuan sedimen dan aluvium. Beberapa garisan profil dibuat dalam arah hampir tegak lurus dengan sempadan antara batuan untuk melihat perubahan keamatan medan magnet dan kaitannya dengan pelbagai litologi batuan di kawasan kajian. Beberapa sampel batuan telah diambil untuk tujuan analisis sinar-X. Analisis ini bertujuan untuk mengukur kandungan besi oksida yang terdapat di dalam sampel batuan tersebut.

HASIL DAN PERBINCANGAN


Rajah 1 menunjukkan peta geologi Pulau Tuba dan lokasi profil magnet yang telah berjaya diukur di kawasan kajian. Secara umumnya keamatan medan magnet bumi yang diukur di kawasan batuan granit relatif lebih tinggi berbanding keamatan medan magnet yang diukur di kawasan aluvium. Keamatan medan magnet bumi di kawasan granit berjulat daripada 41450γ hingga 41500 γ dengan nilai purata lebih tinggi berbanding keamatan medan magnet yang diukur di kawasan aluvium yang menunjukkan julat keamatan kemagnetan sekitar 41300 γ - 41480 γ. Keamatan medan magnet bumi yang direkod di kawasan batuan sedimen Formasi Setul secara relatifnya adalah lebih tinggi berbanding keamatan medan magnet di kawasan batuan granit. Medan magnet bumi di kawasan sedimen menunjukkan julat keamatan kemagnetan daripada 41460 γ hingga 41550 γ.

Rajah 2 menunjukkan profil keamatan medan magnet yang diukur merentasi ketiga-tiga jenis batuan di Pulau Tuba. Nilai keamatan medan magnet bumi di kawasan batuan granit kelihatan lebih seragam berbanding nilai keamatan medan magnet yang bersifat turun naik (berfluktuasi) di kawasan batuan sedimen. Nilai keamatan medan magnet yang relatif tinggi dan tidak seragam ini ditafsirkan kerana kewujudan mineral oksida besi bermagnet di dalam batuan sedimen Formasi Setul. Tafsiran ini disokong melalui analisis XRF ke atas sampel batuan granit dan batuan sedimen Formasi Setul yang menunjukkan kandungan unsur besi (Fe) dalam Ahli Gersik Formasi Setul adalah relatif tinggi berbanding batuan granit.

Kenaikan keamatan medan magnet secara mendadak di sempadan antara batuan sedimen dan granit dipercayai



Rajah 2: Profil keamatan medan magnet bumi dan kaitannya dengan geologi permukaan di Pulau Tuba.



Rajah 3: Profil keamatan medan magnet bumi di kawasan aluvium menunjukkan tren keamatan meningkat ke arah timur Pulau Tuba.

adalah disebabkan oleh struktur batuan yang mengalami peretakan dan penyesaran akibat canggaaan tektonik yang berasosiasi dengan permineralan yang terbentuk akibat intrusi batuan granit.

Rajah 3 menunjukkan nilai keamatan medan magnet bumi yang diukur merentasi kawasan aluvium Pulau Tuba. Profil keamatan medan magnet bumi yang diplot melawan jarak menunjukkan trend menaik ke arah timur. Keadaan ini boleh ditafsirkan kemungkinan wujudnya batuan dasar yang semakin hampir ke permukaan bumi ke arah timur, dan nilai keamatan yang berfluktuasi ini berkemungkinan dipengaruhi oleh topografi batuan dasar beralun di bawah permukaan bumi.

KESIMPULAN

Survei magnet yang dijalankan di Pulau Tuba telah menghasilkan keputusan seperti berikut:

1. Wujud korelasi yang jelas antara keamatan medan magnet bumi dengan geologi permukaan di kawasan kajian
2. Batuan sedimen Formasi Setul yang mengandungi kandungan oksida besi memberikan keamatan yang relatif lebih tinggi daripada keamatan medan magnet bumi yang diukur di kawasan batuan granit dan aluvium.
3. Keamatan medan magnet bumi yang berfluktuasi di kawasan aluvium berkemungkinan disebabkan oleh ketakseragaman kemagnetan dan topografi batuan dasar yang beralun.
4. Kenaikan keamatan medan magnet secara mendadak di kawasan aluvium memberi gambaran bahawa kemungkinan wujudnya sempadan antara batuan granit dan sedimen yang berada di bawah endapan aluvium tersebut.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan berbanyak terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai projek penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pembantu makmal, En Shahrizal Deris dan En Wan Ali Wan Megal yang membantu mendapatkan data lapangan.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Samsudin, Ibrahim Abdullah & Kamal Roslan Mohamed, 1992. Keputusan survey magnet di Lembah Tekai, Pahang, Sains Malaysiana, Vol. 21(1), 39 -53.
- Abdul Rahim Samsudin & Mohd Yamin Ali. 1984. Survei magnet awalan batuan serpentinit dan gabro di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Sains Malaysiana 13(1), 21 – 32.
- Ibrahim Abdullah. 1997. Evolusi struktur Kepulauan Langkawi. Dlm: Ibrahim Komoo, Mohd. Shafeea Leman, Kadderi Md. Desa & Ibrahim Abdullah (pnyt.). Warisan Geologi Malaysia: Geologi pemuliharaan untuk ekopelancongan: 119 – 134. Bangi: LESTARI.
- Ibrahim Abdullah, Kamal Roslan Mohamed & Che Aziz Ali. 1997. Geologi Formasi Machinchang. Dlm: Ibrahim Komoo, Mohd. Shafeea Leman, Kadderi Md. Desa & Ibrahim Abdullah (pnyt.). Warisan Geologi Malaysia: Geologi pemuliharaan untuk ekopelancongan: 149 – 168. Bangi: LESTARI.
- Parasnis, D. S. 1991, Prinsip-prinsip geofizik gunaan. Terj. Abdul Rahim Samsudin & Idrus Shuhud. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Fuad Wan Hassan. 1997. Batuan igneus Kepulauan Langkawi. Dlm: Ibrahim Komoo, Mohd. Shafeea Leman, Kadderi Md. Desa & Ibrahim Abdullah (pnyt.). Warisan Geologi Malaysia: Geologi pemuliharaan untuk ekopelancongan: 135 – 148.
- Wan Fuad Wan Hassan. 2000. Warisan mineral Kepulauan Langkawi. Dlm: Ibrahim Komoo & Tjia, H. D. (pnyt.). Warisan Geologi Malaysia 3: Pembangunan sumber untuk pemuliharaan dan pelancongan tabii: 133 – 143.

Manuscript received 16 May 2008
Revised manuscript received 21 June 2012

PERSATUAN GEOLOGI MALAYSIA
GEOLOGICAL SOCIETY OF MALAYSIA



**NATIONAL GEOSCIENCE
CONFERENCE 2012**

Pullman Hotel Kuching, Sarawak
23 – 24 June 2012

*Geoscience
In Everyday Life*

Minerals & Geoscience
Department Malaysia



Co-organisers

Academy of Sciences
Malaysia





Kata Aluan oleh

Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan

Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II/

Menteri Kemudahan Awam dan Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak

Assalamualaikum. Selamat pagi, salam sejahtera, Salam Satu Malaysia, Selamat Datang, Selamat Datai ke Sarawak, Bumi Kenyalang.

Mula-mula saya merasa terharu dan berterima kasih kepada warga Geologis kerana sudi menjemput saya sekali lagi untuk menyempurnakan dan seterusnya merasmikan Persidangan Geosains Kebangsaan 2012 ini atau *National Geoscience Conference 2012*.

Syukur kehadiran Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan taufik dan limpah kurnia-Nya, kita semua dapat berhimpun dalam sebuah majlis tahunan anjuran bersama Persatuan Geologi Malaysia (GSM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) dan Akademi Sains Malaysia (ASM) iaitu Persidangan Geologi Kebangsaan 2012 yang membawa tema "Geoscience in Everyday Life".

Bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak, saya ingin mengucapkan Selamat Datang ke Negeri Sarawak dan terima kasih kerana telah dijemput untuk merasmikan Persidangan Kebangsaan ini. Saya juga, bagi pihak Kerajaan Negeri amat berterima kerana Persatuan Geologi Malaysia telah memilih Sarawak sebagai tempat mengadakan persidangan geologi tahunan ini.

Saya difahamkan bahawa Persidangan Geologi yang pertama telah diadakan 25 tahun yang lalu di Universiti Malaya pada tahun 1986. Setelah itu pada tahun 1988 dan 1989, 'Persidangan Geologi Kebangsaan' diadakan di Cameron Highland dan Fraser Hill dianjurkan bersama Persatuan Geologi Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia yang pada ketika itu dikenali sebagai Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia. Sejak itu persidangan ini menjadi persidangan tahunan.

Saya percaya persidangan seumpama ini amatlah penting di mana para ahli geologi dan saintis dapat berkumpul dan berbincang untuk menjana idea dan strategi baru ke arah tahap kehidupan yang lebih baik di masa hadapan sesuai dengan perubahan iklim yang sedang melanda dunia sekarang ini.

Melihat kepada tema persidangan ini iaitu 'Geoscience in Everyday life', yang bertujuan untuk memberikan kesedaran pada diri kita betapa besarnya peranan yang dimainkan oleh geosains dalam kehidupan seharian kita. Bumi banyak membekalkan khazanahnya kepada kita dan kita pun sewajarnya membalas balik jasa yang diberikan itu dengan penjagaan bumi yang kita huni secara sementara ini melalui ilmu pengetahuan geosains. Biarlah kita wujudkan satu masyarakat yang kehidupannya bersifat lestari dan saling bekerjasama untuk menjadikan bumi tempat kita tinggal ini lebih sihat dan selamat untuk didiami. Para geosaintis pula merupakan barisan hadapan dalam merencanakan gerak kerja ini. Saya percaya tema persidangan ini akan dapat dicapai selaras dengan Cabaran ke-4 dan ke-6 Wawasan 2020 iaitu 'Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika' dan 'Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja pengguna teknologi tinggi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.'

Kesungguhan dan komitmen anda semua dalam persidangan ini nanti adalah penting untuk masa depan negara dan rakyat.

Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa memberi sokongan dan komited kepada sebarang usaha dari komuniti profesional dan akademik dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dalam usaha menjadikan Negeri Sarawak ini sebagai kawasan yang selamat, yang selesa diduduki dan yang menarik dikunjungi. Para ahli geologi terutamanya dari Jabatan Mineral dan Geosains Sarawak, banyak terlibat dalam memberikan ulasan rancangan pembangunan seperti ulasan kebenaran merancang dan pelan kerja tanah. Ini untuk memastikan semua rancangan pembangunan ini dibina di kawasan atau tapak yang selamat, dan bangunan yang dibina dapat bertahan dalam jangka masa yang lama.

Dalam masa dunia sedang dilanda isu seperti perubahan iklim global, Negeri Sarawak juga pernah dilanda bencana alam seperti kejadian tanah runtuh, seperti yang pernah terjadi di Patiambun (Limbang), Bukit Cina (Kapit), Bukit Canada (Miri) dan banjir besar yang telah melanda Kuching beberapa kali sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan beberapa kejadian lain di daerah-daerah yang lain. Peranan Ahli Geologi dan pakar-pakar berkaitan mestilah ditingkatkan, supaya kesan kejadian bencana seperti ini dapat diminimumkan, melalui proses merakyatkan pengetahuan agar bukan saja pakar, malah rakyat juga dapat terlibat memberikan aduan bagi tindakan-tindakan pencegahan dilakukan.

Sumbangan industri perlombongan dan pengkuarian kepada peningkatan pendapatan Negeri Sarawak juga tidak dapat dinafikan. Batuan dikuari untuk bahan binaan dan agregat, arang batu kita gunakan untuk menjana kuasa demi mengurangkan kebergantungan kepada petroleum. Sumber pasir silika kita eksport untuk mendapatkan tukaran wang

asing. Sumber lempung diterokai dan digunakan secara tempatan untuk menghasilkan barang-barangan seramik. Walaupun secara perbandingan, sumbangan aktiviti ini dianggap masih kecil tetapi potensinya untuk berkembang tetap ada berasaskan kepada perkembangan teknologi baru dalam industri perlombongan, yang dapat meningkatkan jumlah produktiviti dari industri ini.

Saya juga dimaklumkan bahawa penerokaan emas di kawasan yang baru dalam Daerah Bau sedang berjalan dengan lancar. Saya amat berharap agar penerokaan ini berjaya membuah hasil. Jika ia berhasil, bukan sahaja Kerajaan Negeri mendapat manfaat daripadanya, malah masyarakat sekeliling akan mendapat manfaat secara langsung. Semoga Pekan Bau kembali ke zaman kegemilangannya sekali lagi.

Walau bagaimanapun, saya berharap aktiviti perlombongan dan pengkuarian ini dapat dijalankan dalam suasana yang mesra rakyat dan mesra alam agar ia tidak merosakkan pandangan dan keindahan alam semulajadi di Negeri Sarawak ini.

Saya telah menyentuh mengenai peranan besar Jabatan Mineral dan Geosains dalam menyelesaikan sebahagian masalah rakyat Negeri Sarawak yang menduduki kawasan luar bandar beberapa hari lalu semasa merasmikan Persidangan JMG. Kami menghargai peranan dan khidmat geosains yang dimainkan.

Saya juga sedia maklum bahawa langkah-langkah sedang diambil bagi memajukan keunikan kawasan delta di sekitar Kuching ini sebagai satu produk baru geosains melalui penarafan kawasan ini sebagai global geopark, yang dikenali sebagai Delta Sarawak Global Geopark. Saya fikir hasrat kerajaan Negeri Sarawak untuk memajukan kawasan Santubong sebagai kawasan pelancongan yang dilengkapi dengan “cable car” merupakan langkah menyokong yang lebih menguatkan usaha penarafan sebagai global geopark ini. Di harap kejayaan penarafan ini akan turut melonjakkan kawasan-kawasan sekitarnya sebagai destinasi pelancongan yang menggamit perasaan setiap pengunjung yang datang. Semoga yang pernah datang akan datang lagi, dan datang lagi.

Ahli geologi dan saintis dapat memainkan peranan lebih berkesan untuk pembangunan Negara iaitu dengan memberikan ulasan, komen dan input-input yang sesuai sebelum Draf Rancangan Tempatan tersebut diputuskan oleh pihak Kerajaan kelak.

Ahli geologi juga seharusnya mempertingkatkan penyelidikan dalam bidang masing-masing agar pengetahuan yang baru tersebut dapat diaplikasikan untuk kebaikan rakyat di samping dapat menyebarkan maklumat yang tepat pada kadar yang cepat bagi membolehkan usaha berkesan dibuat bagi menangani isu-isu yang berkaitan.

Saya juga maklum bahawa Akademi Sains Negara memainkan peranan dalam mencapai, menggalakkan dan meningkatkan kecemerlangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi bagi pembangunan negara dan manfaat kepada manusia. Saya amat menghargai peranan mereka dalam menganjurkan bersama persidangan ini.

Saya mendoakan persidangan ini dapat menghasilkan keputusan dan impak yang cemerlang sebagaimana diharapkan. Dengan empat (4) kertas kerja utama dan lebih sembilan puluh (90) kertas kerja saintifik pelbagai topik berkaitan tema persidangan yang dibentangkan sama ada pembentangan lisan atau poster, saya percaya mesej yang mahu diketengahkan boleh dipanjangkan kepada masyarakat.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Persatuan Geologi Malaysia, JMG dan Akademi Sains Malaysia (ASM) atas penganjuran persidangan ini dan sokongan berterusan daripada semua pihak khususnya ahli akademik Institusi Pengajian Tinggi.

Mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur persidangan yang telah memilih Negeri Sarawak sebagai lokasi penganjuran persidangan. Selamat bersidang dan semoga mendapat ilmu yang bermanfaat daripadanya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan ‘Persidangan Geologi Kebangsaan 2012’ dengan tema “Geosains dalam Kehidupan Harian”.

Sekian, terima kasih.



**Welcoming Address by
Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira**
President, Geological Society of Malaysia

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia and Good Morning. Welcome to the National Geoscience Conference 2012, better known as NGC 2012, with the theme “Geoscience in Everyday Life”.

The theme is intended to highlight the fact that geoscience provides for the fundamental needs of society - from seeking the rock and minerals that provides shelter for us in our homes and in this lovely venue, to the fuel that we used to get here today. Geoscience also contributes to the provision of water, particularly groundwater, which a basic resource for society. In addition, geoscience knowledge reduces the risks we have to face due to geological hazards such as landslides, sinkholes and land subsidence, among others.

The Geological Society of Malaysia is proud to have played a small role in fostering the advancement of geoscience knowledge in the country. We have provided a platform for geoscientists to come together on an annual basis to share their research findings, through the two major conferences we organise annually, the National Geoscience Conference and the Petroleum Geoscience Conference and Exhibition.

The Academy of Sciences Malaysia has recognised geoscience as an important contributor to Science and Technology, and the role of the Society as custodian of this field of knowledge. In support of the Societies’ effort to nurture young geoscientists for the country, for the first time ever, the Academy has sponsored 12 research papers to be presented at this meeting by students from six universities that offer geoscience programmes. These are Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Kelantan and Curtin University, Sarawak Campus.

The 12 papers are given special mention in the proceedings. Ladies and gentlemen – may we have a round of applause for the 12 selected students who are here today. The manuscripts will be peer-reviewed and considered for publication in the Society’s two flagship publications, where we document original research findings by geoscientists – The Bulletin Geologi and the quarterly newsletter, Warta Geologi.

With respect to these two publications, I am happy to report that a third party assessment by the Malaysian Citation Centre this year, saw Bulletin Geologi Malaysia and Warta Geologi listed as the top 50 most cited scientific publications in the country. We are now in an excellent position for our publication to be indexed by the Centre. Such recognition is important as the Ministry of Higher Education will use findings from the Centre as part of the instrument to assess the quality of research in public universities, particularly research universities.

I urge all the researchers to support our two publications by contributing manuscripts. I also urge senior members of the geoscience fraternity to make time to review the manuscript of your peers and juniors’, with respect to its suitability for publication. The Society calls on your expertise and the time to contribute is NOW! The more we publish our findings in the these two publications, the better can the government assess the quality of geoscience research and development, as well as its contribution in advancing economic growth, environmental conservation and societal well-being; which constitute the three pillars of sustainable development.

The Council is striving to improve its service to all of you and advance geoscience in the country. In our effort to do this, we are appreciative of the support from all our collaborators; universities, government and the private sector.

For the NGC 2012, we are especially grateful to our co-organizers the Minerals and Geoscience Department and the Academy of Sciences Malaysia. I would like to thank the sponsors of this event for their outstanding support. I would also like to express my utmost appreciation to Dr. Richard Mani Banda from JMG Sarawak, Chairman of the Organising Committee and all his committee members, for making NGC 2012 happen in Sarawak; in such a splendid setting. May we have a round of applause for our Organising Chairman, his team and all our sponsors.

Last but not least, the Society would like to thank the State Government for supporting our event in this amazing State of Sarawak. We had a first-hand view of the gold mine in Bau; and an excellent perspective on its geological and mining history; and of course, there are not enough words in the English language to describe the hospitality and graciousness of Sarawakians! May I have a round of applause ladies and gentlemen, to celebrate all Sarawakians in this room today!

On behalf of the Society, I thank Y. Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hassan, Minister of Resource Planning and Environment (II), Minister of Public Utilities & Minister of Industrial Development, for making time to officiate NGC 2012. Your presence and support has made this event memorable.

I wish everyone a successful and productive discourse this week-end. Thank you very much.



Message by
Dr. Richard Mani Banda
Organising Chairman
National Geoscience Conference 2012

The National Geoscience Conference is the only conference with a wide spectrum of geology held annually in Malaysia. It gathers geologists from various disciplines. This conference also serves as the venue for presenting new discoveries, research findings and new ideas. It also incorporates geologists from various quarters such as government bodies, private sectors and institutions of higher learning. The NGC2012 was selected to be held in Kuching, Sarawak. It is a great honour to the State of Sarawak, the Land of the Hornbills. I sincerely hope that this will be followed by subsequent geological studies to be conducted more in Sarawak as Sarawak is too broad with many areas still needed to be explored and documented in detail. I am also very touched by the desire of few individuals from other countries to attend the conference. I think we should also officially invite some international participation in the years to come especially from neighbouring countries that we have some form of collaboration.

The theme of this NGC2012 is *Geoscience in Everyday Life*. This theme was chosen to instil awareness of the importance of geosciences that inhabit our daily lives. Almost everything that we touch has to do with geology. In Sarawak alone, geoscience services have directly improve the living standard of rural population through a system of water supplies, either using underground water resources through Sistem Penapisan Air Tanah Ringkas (SPATR) and simple gravity feed. The discovery of coal resources has also helped spur the development of government program in the SCORE area.

The programme we arranged for NGC2012 consist of four keynote papers, 50 oral presentations and 41 posters covering various fields. I am very confident participants will gain much benefit by mutual sharing of experience and knowledge through presentations and discussions.

On behalf of the NGC2012 Organising Committee, I welcome your arrival and your presence in this conference. I also want to express my appreciation for all authors for their contributions, the continued support by various parties, especially JMG, Akademi Sains Negara and Institutions of higher learning. I also am very grateful to our generous sponsors who help in various forms.

NATIONAL GEOSCIENCE CONFERENCE 2012 Organising Committee

Advisor	:	Joy Jacqueline Pereira Alexander Unya Ambun
Chairman	:	Richard Mani Banda
Secretary I	:	Mohd Yusop Ramli
Secretary II	:	Thomson Galin
Treasurer	:	Redzuan Ahmad Banjar Ahmad Nizam Hasan
ASM Representative	:	P. Loganathan
Technical Programme	:	Roslan Rajali Ng Tham Fatt Ling Nan Ley Che Abd. Rahman Jaafar Richard Batoi
Protocol And Souvenir	:	Japri Bujang Azuddin Shebli Hermawati Tambeng
Venue and Registration	:	Manggon Abot Halimat Mat Anna Lim Rosmah Usup
Poster and Exhibition	:	Paulius Godwin SegarVelayutham
Logistics	:	Zamzuri Ghazali Md. Shahrizal Md. Sharifoddin Geri Ginung
IT Facilities and AV	:	Ajon Winnie Sylvia Joseph Nurul Shiema Shahadan
Field Trip	:	Dana Badang Nazirrahmat Suleiman
Master Of Ceremony	:	Pandi Kipli Marina Mardzuki Kennedy Mohd. Imran
Publicity	:	Iskandar Taib
Photography	:	Edward Muol Yong Mei Ling Khalid Kasdi

SPONSORS

Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar
Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd.

Afra Quest Resources

Along Enterprise

Alputra Enterprise

Azair Sdn. Bhd., Sarawak Branch

Briyang Enterprise

Destisar Sdn. Bhd.

Fores Enterprise

Geospec Sdn. Bhd.

Global Minerals (Sarawak) Sdn. Bhd.

Jeffico Company

North Borneo Gold Sdn. Bhd.

Pet Rocks Malaysia, Sarawak

Robert Scientific Company Sdn. Bhd.

Rumaino Company

Sinar Zazrin Enterprise

Syarikat Norman

Syarikat Rimbunan Mekar

Syarikat Sebangun Sdn. Bhd.

Syarikat Sri Meludam

Syarikat Sri Wadil

U-Kin Engineering

PROGRAMME

DAY 1 – SATURDAY 23 JUNE 2012

08:00 – 09:00	REGISTRATION	
09:00 – 10:00	OPENING CEREMONY Welcoming Speech by Y.Bhg. Dato' Yunus bin Abdul Razak, Ketua Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia Welcoming Speech by Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira, President Geological Society of Malaysia Opening Speech by YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hassan Minister of Resource Planning and Environment (II), Minister of Public Utilities & Minister of Industrial Development	
10:00 – 11:00	POSTER SESSION 1 AND TEA BREAK	
11:00 – 11:30	KEYNOTE 1 AZIMUDDIN BAHARI Towards a national policy on geoscience	
	TECHNICAL SESSION A1	TECHNICAL SESSION B1
11:30 – 11:50	PAPER A1 AYE KO AUNG, NG THAM FATT & KYAW KYAW NYEIN The first record of the Late Permian waagenophyllid rugose corals from Pahang, Central Peninsular Malaysia	PAPER B1 A.H.A. TEH SAUFIA, ROSLI SAAD, M.M. NORDIANA, NUR AZWIN ISMAIL, NOER EL HIDAYAH ISMAIL, ANDY ANDERSON BERY, NISA' ALI The role of self potential prospecting in delineating underground streams for engineering problems
11:50 – 12:10	PAPER A2 Junaidi Asis & Basir Jasin Some Cretaceous radiolaria from Kuamut Melange, Kunak, Sabah	PAPER B2 AFIKAH RAHIM, HAREYANI ZABIDI & ABDUL GHANI MOHD RAFEK Mechanised construction of tunnel boring machine (TBM-1) in granitic body in Karak, Pahang
12:10 – 12:30	PAPER A3 BASIR JASIN, ATILIA BASHARDIN & ZAITON HARUN Middle Permian Radiolarians from the siliceous mudstone block near Pos Blau, Ulu Kelantan and their significance	PAPER B3 I.N. AZWIN, ROSLI SAAD & M.M. NORDIANA Classification of saturated zones from signal amplitude of ground penetrating radar
12:30 – 12:50	PAPER A4 YONG ADILAH MUSTAFA & AYE KO AUNG Discovery of the Permian Foraminifera: A significant evidence for the age of limestone pinnacles at Gua Seh area, Pahang, Central Peninsular Malaysia	PAPER B4 WAN NORMIMMAIDA W.MOHAMED, HAREYANI ZABIDI & ABDUL GHANI MOHD RAFEK Joint pattern study of meta-sedimentary rocks at Karak Site for the Interstate Raw Water Transfer Tunnel Project
12:50 – 14:00	LUNCH BREAK	
14:00 – 14:30	KEYNOTE 2 IBRAHIM KOMOO Geopark: Inovasi untuk pembangunan lestari wilayah	
	TECHNICAL SESSION A2	TECHNICAL SESSION B2
14:30 – 14:50	PAPER A5 CHE AZIZ ALI & TANOT UNJAH Intergrated research for conservation, land use planning and geotourism in Langkawi Geopark, Malaysia	PAPER B5 ISMAIL ABD RAHIM, SANUDIN HJ. TAHIR, BABA MUSTA AND SHARIFF A. K. OMANG Adjustment factor of Slope Mass Rating (SMR) system: Revisited

PERTEMUAN PERSATUAN (MEETINGS OF THE SOCIETY)

14:50 – 15:10	PAPER A6 JOANES MUDA Geological heritage resources and potential geotourism development at the tip of Borneo, Northern Sabah, Malaysia	PAPER B6 MUHAMMAD FADZLI DERAMAN, HAMLEE ISMAIL &TAJUL ANUAR JAMALUDDIN Geobencana kegagalan cerun di laluan jalanraya merentasi kawasan perbukitan Hulu Terengganu
15:10 – 15:30	PAPER A7 MOHD. FAUZI RAJIMIN @ JEMAN, KAMAL ROSLAN MOHAMAD & CHE AZIZ ALI Pemuliharaan warisan geologi kepulauan Mersing, Johor	PAPER B7 RODEANO ROSLEE, TAJUL ANUAR JAMALUDDIN & MUSTAPA ABD. TALIP Intergration of GIS in deterministic model (infinite slope) for landslide susceptibility analysis (LSA) at Kota Kinabalu area, Sabah, Malaysia
15:30 – 15:50	PAPER A8 DONY ADRIANSYAH NAZARUDDIN, HASIMAH HASSAN & AHMAD FADLI AHMAD SANUSI Mount Chamah: Explore the hidden geological treasure in remote Kelantan	PAPER B8 TAN BOON KONG Slope failures associated with water tank and reservoir sites – Some case studies in the Kuching Area, Sarawak
15:50 – 16:20	TEA BREAK	
16:20 – 16:40	PAPER A9 ARHAM MUCHTAR ACHMAD BAHAR Geomorphological mapping of Chamah, Kelantan using GIS technique	PAPER B9 AMIRRUDDIN ROSNI, M. AZIZUL, M. HASSAN, SELAMAT, M. ZULFIKRI & M. NASIR, RASININ KALING Influence of geological features in blasting and quarry face design: A case study of the IJM MRP granite quarry, Kulim, Kedah
16:40 – 17:10	PAPER A10 MUHAMMAD MUSTADZA MAZNI Sumber geowarisan dan geopelancongan di sekitar pembangunan wilayah ekonomi koridor utara Perlis	PAPER B10 S.V. ALAVI NEZHAD KHALIL ABAD, EDYTONNIZAM MOHAMAD, IBRAHIM KOMOO, R. KALATEHJARI & M. HAJIHASSANI A review on the limitations and applications of geological strength index
17:10 – 17:30	PAPER A11 RAMLI MOHD OSMAN Guide to greening of quarries in Malaysia	PAPER B11 TAJUL ANUAR JAMALUDDIN Survei ketakselajaran dan permodelan struktur geologi cerun potongan batuan
19:00 – 22:00	CONFERENCE DINNER	
DAY 2 – SUNDAY 24 JUNE 2012		
08:30 – 09:00	KEYNOTE 3 CHEN S. P. & ALEXANDER UNYA AMBUN A half century of geological surveying in Sarawak	
9:00 – 10:00	POSTER SESSION 2 AND TEA BREAK	
	TECHNICAL SESSION A3	TECHNICAL SESSION B3
10:00 – 10:20	PAPER A12 AZMAN A GHANI, MOHD ROZI UMOR & KHIN ZAW High Ba alkalic series rocks from the Benom Complex, Peninsular Malaysia: evidence of mantle infiltration to lower crust	PAPER B12 IFTIKHAR AHMED SATTI, MONA LISA & MUHAMMAD SAJID Integration of seismic and seismological data interpretation for better subsurface structure identification
10:20 – 10:40	PAPER A13 KYAW KYAW NYEIN, AZMAN A. GHANI, WAN FUAD WAN HASSAN & AYE KO AUNG Preliminary study of petrology and geochemistry of the Langkawi granites	PAPER B13 M. M. NORDIANA, ROSLI SAADB, I. N. AZWINC, EDY TONIZAM MOHAMAD Iron ore detection using electrical methods with enhancing horizontal resolution (EHR) technique

PERTEMUAN PERSATUAN (MEETINGS OF THE SOCIETY)

10:40 – 11:10	PAPER A14 KHAIRIL IZAM SELAMAT DIN & MOHD ROZI UMOR Kajian petrografi dan geokimia untuk menentukan asalan Pluton Palong, Jempol, Negeri Sembilan	PAPER B14 MUHAMMAD AHMED RAZA, WAN ISMAIL BIN WAN YUSOFF & MUHAMMAD IRFAN SULEMAN Fluvial channels delineation and geomorphologic characterization using well and seismic data
11:10 – 11:30	PAPER A15 NUR ISKANDAR TAIB Plio-pleistocene volcanism in the Upper Rajang Valley – a window into the crust under the Rajang Group	PAPER B15 MOHD HARIRI ARIFIN Kajian kesesuaian pembangunan di tanah bekas lombong sekitar Kampar, Perak menggunakan kaedah keberintangan geoelektrik
11:30 – 11:50	PAPER A16 YUNIARTI ULFA, TAN HONG KIEW & HAM WEN YI The transformation of amphibolite facies gneiss to greenschist facies: an Interesting phenomenon in East-West Highway Route A173, Baling-Gerik, Malaysia	PAPER B16 SAHIBIN ABD RAHIM, WAN MOHD RAZI IDRIS, ZULFAHMI ALI RAHMAN, TUKIMAT LIHAN & NURUL NAQIRAH ABDUL SHUKOR Physico-chemical properties of ultrabasic soil from Petaseh, Negeri Sembilan
11:50 – 12:10	PAPER A17 ZAKARIA ENDUT, TEH GUAN HOE, NG THAM FATT & SHARAFUDDIN MOHAMED Some aspect of vein texture, microstructure and implication to gold mineralization episode in Penjom Gold Mine	PAPER B17 RAMLI MOHD OSMAN & MOHD ANUAR ISHAK Geospatial analysis of ex-mining land of Perak
12:10 – 12:30	PAPER A18 MAHAT BIN HJ SIBUN, HABIBAH JAMIL, MOHD ROZI UMUR & WAN FUAD WAN HASSAN The source of gold and tin mineralization in the Western Belt of Peninsular Malaysia: Evidence from heavy mineral studies	PAPER B18 MOHAMAD ABD MANAP, MOHAMMED HATTA KARIM, NORAINI SURIP, HISAM AHMAD, NORHAZIDI MASROM & NURUL NADIA ABD MALEK Lithology and lineament density for delineation of groundwater potential areas at the Muar Basin
12:30 – 12:50	PAPER A19 MOHD SUHAILI ISMAIL The interdependence relationship of the minerals sector within the Malaysian economy	PAPER B19 EDY TONNIZAM MOHAMMAD, FARAH SHAFIQAH MOHD MAZNY & ROSLI SAAD Excavation of hard material for construction work in Labis, Johor
12:50 – 14:00	LUNCH BREAK	
14:00 – 14:30	KEYNOTE 4 WAN ZAWAMIE WAN AKIL Coal mining in Sarawak-Issues and challenges	
	TECHNICAL SESSION A4	TECHNICAL SESSION B4
14:30 – 14:50	PAPER A20 RICHARD MANI BANDA, AMIRUDDIN, WAHYU GUNAWAN, ALEXANDER YAN, YUSOP RAMLI, DANA BADANG, THOMPSON GALIN & REDZUAN BANJAR Progress report – Malaysian-Indonesian geological correlation program in the border area Sintang-Silantek area	PAPER B20 EDY TONNIZAM MOHAMAD & NORAZUIN ABU Assessment of potential alkali silica reaction on aggregates with 'fool's gold' from Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru
14:50 – 15:10	PAPER A21 WONG YIEN LIM & LEE CHAI PENG Stratigraphy of the Ransi Member, Tatau Formation (Middle Eocene-Oligocene) in the Tatau-Bintulu area, Sarawak	PAPER B21 NORAZNIDA KAMARUSZAMAN, W.ZUHAIRI W.YAACOB & ABDUL RAHIM SAMSUDIN Sintesis dan pencirian nano zero valent iron (NZVI) untuk rawatan air tercemar
15:10 – 15:30	PAPER A22 MUSTAFFA KAMAL SHUIB The occurrences of probable Tertiary boulder beds along Chenur-Paloh Hinai Road, near Maran, Pahang and their implications	PAPER B22 M. A. ASHRAF, M. J. MAAH & I. YUSOFF Chemical speciation and potential mobility of heavy metals in the soil of former tin mining catchment

PERTEMUAN PERSATUAN (MEETINGS OF THE SOCIETY)

15:30 – 15:50	PAPER A23 IBRAHIM BIN AMNAN & ASSANEE MEESOOK The Singa and Kubang Pasu Formation: A review	PAPER B23 NUR ATIQA ANUAR & W. ZUHAIRI W. YAACOB Keupayaan beberapa jenis tanah dalam menjerap logam berat
15:50 – 16:10	PAPER A24 KHOR SIMON, MEOR HAKIF BIN AMIR HASSAN & MUHAMAD PEDRO J. BARBEITO Sedimentology and stratigraphy of Kampung Opak Limestone, Bekenu, Sarawak	PAPER B24 PRIVEETHA MANOGARAN, DAHLILA KAMAT & RAJA RAJESWARY SUPPIAH Study on characteristics of Malaysian sand as proppant
16:10 – 16:30	PAPER A25 MOHD DANIAL HARIZ MOHD AZIR, CHE AZIZ ALI & KAMAL ROSLAN MOHAMED Pendolomitan dan simen silika dalam batu kapur Formasi Setul di Tanjung Rhu, Langkawi, Kedah	PAPER B25 ABDUL RAHMAN ZAKARIA & ASKURY ABD KADIR Fractured metasediment outcrops at Pulau Redang, offshore Terengganu: An Analogue for natural fractured reservoir (NFR) basement in Malay Basin
16:30 – 17:00	CLOSING CEREMONY	
17:00 – 17:30	TEA BREAK	

POSTER SESSION 1: 10:00 – 11:00, Saturday 23 June 2012

- P1-1 LING HWEI CHIH, NG THAM FATT, AHMAD FARID BIN ABU BAKAR & JOY J. PEREIRA
Microstructure of deformed quartz in the mylonite of the Selinsing Gold Mine: Implications for the mechanism and condition of deformation
- P1-2 AYE KO AUNG, MEOR HAKIF BIN AMIR HASSAN, KYAW KYAW NYEIN, KYAW ZAY MYINT, AUNG AYE LIN, KYAW ZAY YA, MYO THU SOE, THAN HTOO AUNG & AUNG MIN Oo
Stratigraphic correlation of the Carboniferous-Permian sequence of Malaysia and Myanmar
- P1-3 MOHAMMED HAIL HAKIMI, WAN HASIAH ABDULLAH & MOHAMED RAGAB SHALABY
Palynofacies characterization of the Upper Jurassic Madbi Formation in the Kharir oilfield and their relation to oil generation potential
- P1-4 JOANES MUDA
Geoart: An innovative tool to promote geology and geotourism
- P1-5 JULAIHA AZMI & AYE KO AUNG
Some new findings of the coral and fusulinid faunas from the Jengka Pass Limestone, Pahang, Central Peninsular Malaysia
- P1-6 MOHAMAD TARMIZI MOHAMAD ZULKIFLEY, S. PARAMANANTHAN, NG THAM FATT, ROSLAN HASYIM & JOHN KUNA RAJ
Classification of tropical lowland peats
- P1-7 NOORHASHIMA ADENAN, CHE AZIZ ALI & KAMAL ROSLAN MOHAMED
Sedimentologi lapisan perantaraan Formasi Kubang Pasu dan Formasi Chuping, Beseri Perlis
- P1-8 NIZARULIKRAM B. ABDUL RAHIM, NOORAZHAR B. NGATIMIN & ABDULLAH SANI B. H.HASHIM
Fosil Kayu Terpetri Di Dalam Alluvium Kuaternari Di Ulu Tiram, Johor
- P1-9 ZARIFAH ZAMAN & AYE KO AUNG
Depositional Environment of the Sediments of the Calcareous Unit of the Gua Musang Formation from the Padang Tengku Area, Pahang – Analogs to the Western Great Bahama Bank
- P1-10 WONG YIEN LIM, LEE CHAI PENG & NURAITENG TEE ABDULLAH
Sediment and fauna of the Arip Limestone of the Tatau Formation, Sarawak, Malaysia
- P1-11 AHMAD. A.R. & ROSLI SAAD
The effectiveness of seismic refraction tomography for groundwater study
- P1-12 HAZWANI ANUAR & HAREYANI ZABIDI
Influence of rock properties on NATM drilling rate in Interstate Raw Water Transfer Tunnel
- P1-13 NISA' ALI, ROSLI SAAD, M. M. NORDIANA, NUR AZWIN ISMAIL, NOER EL HIDAYAH ISMAIL, A. B. ANDY & A. H. A. TEH SAUFIA
Imaging subsurface geological contact zone using 2D resistivity method at Batang Merbau, Tanah Merah, Kelantan
- P1-14 ROSLI SAAD, I.N. AZWIN & AHMAD. A.R
The use of P wave in pile length measurement for engineering application
- P1-15 SITI NORLIYANA HARUN, ZULFAHMI ALI RAHMAN, SAHIBIN ABDUL RAHIM, TUKIMAT LIHAN & WAN MOHD RAZI IDRIS
Kesan simen portland terhadap sifat geoteknik tanah gambut

PERTEMUAN PERSATUAN (MEETINGS OF THE SOCIETY)

- P1-16 ANDY A. BERY, ROSLI SAAD, MOHD MOKHTAR SAIDIN, NORDIANA MOHD MUZTAZA, NOER EL HIDAYAH ISMAIL & NUR AZWIN ISMAIL
Application of electrical resistivity and magnetic surveys in archaeology at Sungai Batu, Kedah, Malaysia
- P1-17 DEWANDRA BAGUS EKA PUTRA
Kajian survei geofizik dengan menggunakan kaedah graviti di kawasan Bukit Bunuh, Lenggong, Perak
- P1-18 M.M. NORDIANA, ROSLI SAAD, M.N.M. NAWAWI & I.N. AZWIN
Horizontal resolution of 2D pole-dipole resistivity imaging as assessed by EHR technique
- P1-19 MUSTAFFA KAMAL SHUIB, AHMAD NIZAM HASAN, MOHD ROZI UMOR, ABDUL GHANI RAFEK, AHMAD ZULHILMI AHMAD YUSRI & MOHD HARIRI ARIFIN
The influence of natural slope geomorphology on active cut slope failures near Gunung Pass, Simpang Pulai-Lojing Highway
- P1-20 MAHMOUD KHAKI, MOHAMMED ABU SHARIAH & ISMAIL YUSOFF
